

Gotong-royong bantu wujud persekitaran sihat

BANTING - Penduduk taman perumahan diingat meluangkan masa membersihkan kawasan berpotensi menjadi tempat pembiakan aedes.

Adun Telok Datok, Loh Chee Heng berkata, inisiatif penduduk menganjurkan gotong-royong dapat mewujudkan persekitaran sihat.

"Kita bukan saja dapat musnah beberapa kawasan pembiakan aedes, malah membantu mengurangkan kadar kes denggi di daerah ini," katanya dalam program Gotong-Royong Perdana di Taman Delima, kelmarin.

Menurutnya, kesungguhan jawatankuasa memainkan peranan menjayakan gotong-royong wajar diberikan pujian.



Chee Heng bersama Zailan pada Gotong-Royong Perdana, kelmarin.

"Walaupun gotong-royong ini diadakan hujung minggu, penyertaan penduduk begitu memberangsangkan.

"Jadi, kita nak tengok lepas ni lebih ramai lagi penduduk

yang peka dengan kawasan sekitar turut serta," katanya.

Katanya, penduduk perlu membuat aduan sekiranya ada masalah sampah-sarap atau semak-samun di kawa-

san masing-masing.

"Dengan adanya aduan ini, kita boleh ambil tindakan segera, sekali gus membantu membanteras tempat pembiakan aedes," katanya.

Turut diadakan dalam gotong-royong berkenaan, aktiviti senamrobik.

Chee Heng berkata, komitmen masyarakat menganjurkan program kemasyarakatan

seperti senamrobik itu dapat melahirkan masyarakat yang sihat.

"Kita harap sangat, program sebegini mendapat kerjasama berterusan masyarakat.

"Bukan saja dapat mencegah aedes, malah kita dapat menjalin hubungan baik dengan pelbagai pihak seperti Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD).

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir menghargai komitmen penduduk mengaktifkan kawasan berkenaan.

"Walaupun masyarakat sibuk buat persiapan Tahun Baharu Cina, mereka masih luangkan masa," katanya.

Cik Ton popular di Teluk Datok

Pelbagaikan juadah berlainan setiap hari, pelanggan boleh pilih makanan ikut bajet

Zaiton Amir, 59, atau lebih dikenali dengan nama Cik Ton tidak asing lagi dalam kalangan kakitangan kerajaan atau swasta di sekitar Telok Datok.

Cik Ton yang mencari rezeki dengan menjual pelbagai jenis makanan di sebuah warung makan berhampiran bangunan Kemas Telok Datok itu dikenali sangat mesra dengan pelanggan.

Menurutnya, dia berniaga di kawasan itu sejak 30 tahun lalu dan mempunyai pelanggan hasil inisiatifnya mempelbagaikan juadah berlainan setiap hari.

"Makcik memang sediakan menu sarapan berlainan setiap hari, contoh kalau nak makan mi kari datang Isnin, Selasa, rojak mi; Mi Jawa, Rabu dan Jumaat nasi ayam.

"Jadi memang pelanggan makcik boleh pilih menu apa yang diinginkan setiap hari," katanya.

Katanya, selain menyediakan juadah yang menepati cita rasa pelanggan, termasuk nasi berlauk pada waktu tengah hari, dia turut mementingkan aspek kebersihan.

Menurutnya, harga makanan yang dijual serendah RM0.50 hingga RM5 membolehkan pelanggan memilih makanan mengikut bajet masing-masing.

"Bila pelanggan tengah makan, makcik sendiri akan tanya OK ke hidangan hari tu, masin ke tawar ke... Sekurang-kurangnya makcik tahu apa kehendak pelanggan.

"Setakat ni kebanyakan pelanggan makcik memang puas hati," katanya.

Zaiton berkata, ada dalam kalangan pelanggannya kadang-kala sudah jerit nama Cik Ton dari jauh semata-mata hendak memesan teh tarik.

"Saya bersyukur dengan rezeki ini untuk

membantu suami yang uzur. Rezeki saya murah di sini," katanya yang memulakan operasi perniagaannya seawal jam 7.30 pagi hingga 3.30 petang.

Warung makannya atau dikenali kantin Kemas sebelum ini terletak berhampiran pelbagai jabatan dan agensi antaranya Pejabat Penerangan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Syabas, Pos Malaysia dan Mahkamah Telok Datok turut menjadi tumpuan kakitangan kerajaan dari luar kawasan ini.

Makan di mana?



Antara pelanggan yang datang ke warung Cik Ton di Telok Datok, semalam.

Zaiton menunjukkan mi kari yang dijual untuk sarapan setiap Isnin.

